

24/04/1999

Sistem kewangan Islam dapat perhatian

SIK, Jumaat - Input sistem kewangan Islam yang bakal dikemukakan kepada Perdana Menteri sebagai antara bahan penting dalam kajian semula kerangka kewangan antarabangsa, sedang diusahakan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan.

Untuk tujuan itu, JPM melalui Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan memperbanyak seminar berhubung kewangan Islam, selain mengambil inti seminar seumpama itu yang dianjurkan Bank Negara Malaysia (BNM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata Seminar Ekonomi Islam anjuran IKIM baru-baru ini berjaya menghasilkan input penting mengenai perlunya kerangka kewangan antarabangsa dikaji semula.

Beliau berkata, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, memaklumkan kepadanya, BNM sudah diminta menganjurkan persidangan bulan depan bagi mendapatkan input terbabit.

"Idea mengenai sistem kewangan Islam sudah mendapat tempat di kebanyakan negara. Seminar anjuran IKIM dan Bank Negara akan digunakan untuk menyediakan pendapat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)